



MAJLIS UCAPTAMA TAHUNAN REKTOR KUKUM DAN PERASMIAN LOGO KUKUM

Kedua-dua majlis ini telah diadakan secara serentak iaitu pada 10 Februari 2004 bertempat di Dewan Warisan, Kangar. Majlis Ucaptama telah dimulakan dengan perarakan masuk Y Bhg. Rektor diiringi Pegawai-pegawai Utama dan juga Ketua-ketua Jabatan KUKUM ke dalam dewan. Pada majlis ini juga, Y Bhg. Rektor telah menyampaikan amanat, matlamat serta pesanan kepada warga KUKUM yang mana terkandung dalam teks ucapan setebal 32 muka surat. Dalam amanatnya itu, Y Bhg. Rektor banyak menekankan kecemerlangan KUKUM bagi menuju ke arah sebuah universiti yang bertaraf dunia.

Selepas ucapatama tersebut, beliau terus melancarkan logo rasmi KUKUM dan buat pertama kalinya bendera KUKUM dinaikkan dalam majlis tersebut. Y Bhg. Rektor turut menyampaikan hadiah-hadiah dan cenderahati kepada peserta pertandingan mencipta logo rasmi KUKUM di dalam majlis yang dihadiri oleh semua warga KUKUM ini. Antara tetamu lain yang hadir ialah wakil-wakil pengarah dan pengetua IPT di Perlis serta pihak media.

"Terus Mengemudi Tenaga Dan Upaya"